



## **UCAPAN ALUAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA**

**10 APRIL 2016**

**BAGAN DATOH, PERAK**

***BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM***

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir  
Menteri Besar Perak

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat

YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat

Exco-exco Kerajaan Negeri Perak

YBhg Dato' Sabariah binti Hassan  
Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat

YBhg Dato' Hj. Zulkiply bin Ramli  
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

YBhg. Dif-dif Kenamaan, Ketua-ketua Jabatan, Pemimpin-  
pemimpin Masyarakat, Wakil-wakil Korporat, Penaja-penaja, para  
media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam sejahtera dan salam kebajikan

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

1. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Kembara Kebajikan 1Malaysia pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran YAB Dato' Seri membuktikan kepada kami betapa pentingnya program ini untuk terus dilaksanakan secara holistik ke peringkat akar umbi.
2. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak kerana telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan majlis pada hari ini.
3. Ucapan terima kasih juga turut saya tujukan atas kehadiran hadirin sekalian kerana ia mengukuhkan lagi pendekatan yang dipelopori Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

## **KK1M Tahun 2016**

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

4. Program Kembara Kebajikan 1Malaysia kali pertama telah dilaksanakan pada April 2014 di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ke-7 bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dengan nama Kembara Kebajikan 1Malaysia *Family*

Care. Tumpuan utama dalam program ini adalah kepentingan kegiatan kesukarelaan dalam kalangan masyarakat.

5. Seterusnya, program Kembara Kebajikan 1Malaysia ini telah dijadikan satu program peringkat nasional dan digerakkan ke seluruh negara melalui pendekatan secara NBOS dengan penglibatan pelbagai pihak yang meliputi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, sektor korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan anggota masyarakat.

6. Program Kembara Kebajikan 1Malaysia tahun 2016 telah berlangsung selama 21 hari iaitu dari 11 Mac 2016 - 19 Mac 2016 di Sarawak, Sabah serta Labuan dan dari 31 Mac 2016 - 10 April 2016 di Semenanjung Malaysia. Bermula dari pelancarannya oleh YAB Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak pada 11 Mac 2016 di Lundu, Sarawak, peserta kembara telah menjelajah ke 19 lokasi di seluruh negara dan berakhir di sini iaitu Parlimen Bagan Datoh, Perak.

7. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu Kementerian dengan terlaksananya Program Kembara Kebajikan 1Malaysia ini.

## **Objektif KK1M**

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

8. Justeru, program ini diteruskan lagi dengan berpaksikan kepada 4 matlamat utama iaitu:

- (i) menyemarakkan semangat kesukarelaan dalam kalangan anggota masyarakat;
- (ii) memperbanyakkan aktiviti kebajikan melalui pendekatan pendampingan sosial;
- (iii) melibatkan penyertaan pelbagai agensi, sektor korporat dan NGO's dalam program khidmat sosial kepada komuniti secara NBOS; dan
- (iv) meuar-uarkan perkhidmatan kebajikan selaras dengan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai peneraju perkhidmatan kebajikan dan pembangunan masyarakat.

## **Konsep KK1M**

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

9. Konsep program Kembara Kebajikan 1Malaysia ini adalah sebuah program jelajah di peringkat negeri. Setiap ‘check point flag off’ di negeri pula akan diadakan program Gema Kasih@Komuniti dengan pengisian seperti karnival perkhidmatan, pameran agensi Kerajaan dan swasta serta program khidmat masyarakat kepada klien Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Khidmat Bantu Di Rumah (Home Help Services).

10. Dalam perjalanan Kembara Kebajikan 1Malaysia ini, peserta kembara telah mengunjungi rumah-rumah klien Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terdiri daripada golongan warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pesakit terlantar. Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melakukan aktiviti kesukarelaan membersihkan halaman rumah klien, merias golongan tersebut,

membuat penyelenggaraan kecil rumah seperti mengecat rumah, membaiki kerosakan kecil serta menghulurkan barang makanan dan penjagaan kebersihan diri.

11. Untuk makluman hadirin sekalian, siri jelajah ini telah disertai oleh 52 orang peserta dari kalangan sukarelawan JKM, IM4U dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada peserta Kembara Kebajikan 1Malaysia ini atas sumbangan masa dan tenaga dalam menjayakan program ini. Saya memanjatkan syukur kehadrat Allah SWT kerana anggota kembara berada dalam keadaan selamat dan sentiasa dilindungi sepanjang perjalanan mereka berbakti kepada masyarakat.

## **Menyemai Semangat Kesukarelaan**

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

12. Terdapat empat program yang menjadi sasaran utama melalui Program Kembara Kebajikan 1Malaysia ini iaitu Cari dan Bantu, Khidmat Bantu Di Rumah (Home Help Service), kesukarelaan dan jalinan perkongsian bijak.

13. Penglibatan masyarakat secara menyeluruh bersama Kerajaan dalam kerja dan aktiviti kebajikan amat penting dan perlu digalakkan sejajar dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”. Justeru, semangat kesukarelaan dan semangat tolong menolong dalam kalangan masyarakat seperti yang diterapkan dalam program kembara ini perlu diperluaskan lagi agar lebih ramai kumpulan sasar dapat dibantu.

## **Penutup**

YAB Dato' Seri/Datuk/Tuan/Puan,

14. Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih juga kepada semua pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan, masyarakat setempat dan rakan-rakan media yang turut bersama menjayakan Kembara Kebajikan 1Malaysia ini iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Pergigian, LPPKN, JPW, IM4U, Persatuan Bulan Sabit Merah serta Badan-badan Korporat iaitu Nestle, Tesco Malaysia, F&N, McDonalds, Systema, Colgate Palmolive, myinvent dan Wawasan Paradigma.

15. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kehadiran dan sokongan YAB Dato' Seri merasmikan Majlis Penutup Program Kembara Kebajikan 1Malaysia. Semoga program ini dapat diperluaskan lagi di pelbagai peringkat terutama di peringkat komuniti kerana pada akhirnya matlamat yang ingin dicapai adalah untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat.

**Sekian. Wabilahi Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

